

# Hubungan dengan AS kini bertambah baik

UM 29 MAR 2002

PUTRAJAYA 28 Mac — Hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) yang **dahulu-nya** bermasalah **kini** bertambah baik sejak **serangan** berani **mati** 11 September **tahun** lepas, kata Datuk Seri Dr. Mahathir **Moha-**mad hari **ini**.

Sehubungan itu **Perdana** Menteri berkata, kemungkinan besar beliau akan melakukan lawatan rasmi ke **Washington** tidak **lama lagi**.

Lawatan **tersebut** dijangka meliputi **run-****dingan** dengan Presiden AS, George W. Bush, kata Dr. Mahathir dalam wawancara dengan Associated Press (**AP**).

"Sehingga **kini** tanda-tanda menunjukkan beliau (Bush) **sendiri** tidak **ada** halangan," kata **Perdana** Menteri.

Setahun lalu, lawatan rasmi Dr. Mahathir ke Washington dianggap hampir tidak **mung-**kin dilakukan kerana pendirian AS yang mempersoalkan perbicaraan dan hukuman penjara terhadap bekas Timbalan **Perdana Menteri**, Datuk Seri **Anwar** Ibrahim.

**Washington** **juga** telah **lama** mengkritik Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membenarkan seseorang ditahan **tanpa perbi-****caraan** jika dianggap sebagai ancaman **terha-****dap** keselamatan negara. — **AP**